



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27
MENARA DATO' ONN
PUTAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)
NO. 45 JALAN TUN ISMAIL
50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-4047 6000
Faks : 03-4047 6142
E-Mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.PK.100-1/4 Jld 6 (21)
Tarikh : 20 Ogos 2013

Ketua Eksekutif/ Pengarah/ Pengurus
Penyedia Latihan Jabatan Pembangunan Kemahiran

Y. Bhg. Dato / Tuan / Puan,

TINDAKAN LARANGAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN KEPADA PEMINJAM PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)

Saya dengan segala hormatnya di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan kebelakangan ini PTPK kerap menerima aduan dan rungutan dari peminjam di mana mereka tidak dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Akhir kerana mempunyai Bayaran Tunggakan yang belum diselesaikan kepada Penyedia Latihan (PL). Antara sebab-sebab peminjam mempunyai bayaran tunggakan ini adalah :-

- i. Gagal membayar yuran asrama
- ii. Gagal membayar baki yuran (kadar yuran sebenar di dalam Surat Tawaran tidak dapat ditampung melalui pinjaman)
- iii. Gagal membayar apa-apa ganti rugi atas kesalahan peminjam dan lain-lain

3. Tindakan PL ini akan menyebabkan pembelajaran peminjam terganggu dan tidak dapat menamatkan latihan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini akan menyebabkan pembayaran balik akan bermula sebelum peminjam menamatkan latihan sebenar.

4. Perkara ini seharusnya tidak terjadi dan PL hendaklah menuntut apa-apa bayaran tunggakan setelah pelajar selesai menduduki sepenuhnya latihan tersebut. Sekiranya perkara ini berlaku PTPK tidak akan teragak-agak untuk menahan pembayaran yuran akan datang dan boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

5. Sekiranya Y.Bhg Dato/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, Y.Bhg/Tuan/Puan boleh menghubungi En Zahrim bin Mohd Sarim di talian 03-4047 6000 atau email zahrim@ptpk.gov.my. Segala kerjasama dan perhatian tuan di dalam mematuhi Arahan Pekeliling ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.
Sekian dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi'

Saya yang menurut perintah,

(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Pengurus Besar (Operasi)

b.p. : Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Salinan Kepada :

- i. KE
- ii. P (PL)
- iii. P (B)
- iv. P (P)